

# KITA BOLEH MENANG BERSAMA

PENANG LAWAN COVID-19

1 - 15 NOVEMBER, 2021

PENANG 2030

# BULETIN MUTIARA

PERCUMA

BERSATU DAN SETIA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow



DR. Norlela Ariffin (kanan sekali) bersama-sama Mohd. Muhaimin Ibrahim (bertopi hitam) dan Zaitun Mat Sahad (dua dari kanan) menunjukkan hasil tanaman timun projek pertanian komuniti diusahakan Kelab Wanita Permata dekat perkarangan Dewan MPKK Bandar Perda di sini baru-baru ini.

## Pertanian bandar

### manfaat komuniti dan isi rumah

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

PROGRAM pertanian komuniti atau juga dikenali sebagai pertanian bandar merupakan inisiatif penting untuk membantu isi rumah mengurangkan kos sara hidup di samping menikmati hasil tanaman yang sihat dan segar.

Exco Agroteknologi & Keselamatan Makanan, Pembangunan Luar Bandar & Kesihatan, **DR. NORLELA ARIFFIN** berkata bahawa di Pulau Pinang, program tersebut mendapat sambutan amat menggalakkan dengan penyertaan seramai 2,234 peserta sehingga Julai tahun ini.

"Kerajaan Negeri memang menggalakkan semua penduduk di negeri ini untuk memanfaatkan tanah-tanah terbiar dengan menjalankan aktiviti pertanian walaupun dalam skala kecil.

"Ini kerana kita mahu setiap keluarga di negeri ini mempunyai tahap sara diri iaitu ada sumber bekalan makanan sendiri yang mencukupi di rumah yang mana secara tidak langsung dapat mengurangkan kos sara hidup mereka.

"Tambahan pula, program pertanian bandar adalah sangat mudah dijalankan dan hasilnya juga boleh dituai dalam tempoh yang agak singkat," ujarnya kepada Buletin Mutiara ketika mengadakan lawatan ke salah satu projek pertanian komuniti dekat Seberang Jaya di sini pada 9 September lalu.

Turut hadir, Pengarah Pertanian Negeri Pulau Pinang, **MOHD. MUHAIMIN IBRAHIM** dan Pegawai Pertanian Daerah Seberang Perai Tengah (SPT), Mohd. Hafiz Jaafar.

Difahamkan, program tersebut dijalankan oleh Kelab Wanita Permata Pulau Pinang dekat perkarangan Dewan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Bandar Perda seluas 2,000 kaki persegi.

Tambah Norlela, Kerajaan Negeri juga berhasrat mewujudkan aktiviti pertanian komuniti bagi memastikan pengeluaran bahan makanan di negeri ini adalah mencukupi, berkualiti serta selamat untuk dimakan.

"Selain itu, ia juga dapat mewujudkan interaksi sosial dan menggalakkan komunikasi dalam kalangan komuniti terutamanya golongan suri rumah serta boleh menjana lebih pendapatan.

"(Dan) Jabatan Pertanian Negeri juga bersedia untuk memberikan tunjuk ajar dalam menjayakan projek ini sama ada secara komuniti, komersial mahupun individu sekiranya mereka memerlukan khidmat nasihat," jelasnya.

Jelas beliau lagi, program pertanian bandar bukan hanya terhad kepada komuniti, sebaliknya turut boleh dijalankan secara individu termasuk mereka yang tinggal di bangunan tinggi seperti flat dan pangsapuri.

"Bagi mereka yang tinggal di kediaman bertingkat, Jabatan Pertanian (Negeri Pulau Pinang) ada menyediakan kit pertanian vertikal untuk membolehkan mereka menjalankan aktiviti pertanian di atas bumbung bangunan.

"Ini bermakna, mereka yang tinggal di rumah flat juga boleh menjalankan aktiviti pertanian menggunakan kit yang telah disediakan," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Penanti.

Dalam pada itu, Norlela turut mengumumkan bahawa Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang bersetuju menyalurkan peruntukan tambahan berjumlah RM5,000 kepada Kelab Wanita Permata untuk meluaskan lagi kebun komuniti yang dijalankan tersebut.

*(Sambungan di muka 3).*

# Tabung COVID-19 terima sumbangan Toray, Boon Siew Honda

Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**GEORGE TOWN –** Toray Group Malaysia (Toray), sebuah firma pembuatan dan pengeluar pelbagai produk gentian poliester dan tekstil dari Jepun, menyumbang sebanyak RM1 juta ke Tabung COVID-19 Pulau Pinang.

Pengarah Urusan Toray Industries Malaysia Sdn. Bhd., Datuk Teh Hock Soon berkata bahawa adalah penting untuk pihaknya bertindak balas terhadap keperluan segera Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam menyediakan lebih banyak kemudahan peralatan perubatan yang diperlukan untuk memenuhi tuntutan kesihatan awam kini.

"Toray bersolidariti bersama-sama seluruh rakyat Pulau Pinang untuk mengurangkan impak akibat COVID-19.

"(Dan) pihak kami percaya bahawa kita semua perlu bersama-sama memerangi wabak ini serta menghulurkan bantuan dan sokongan bagi memastikan kesihatan dan keselamatan rakyat terpelihara," katanya yang juga merupakan Ketua Wakil Toray di Malaysia pada acara simbolik penyerahan sumbangan di sini 28 September lalu.

Dalam sidang media sama, Boon Siew Honda yang diwakili Pengerusinya, Datuk Sri Datuk Wira Tan Hui Jing turut mengumumkan pemberian dana berjumlah RM100,000 ke tabung yang sama.

"Sumbangan ini adalah sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat syarikat dalam membantu Kerajaan Negeri Pulau Pinang melawan COVID-19.

"Pihak kami berharap melalui sumbangan ini, keadaan akan kembali pulih dan pihak kami sedia membantu menjayakannya," jelasnya.

Selain Hui Jing, turut hadir mewakili syarikat Boon Siew Honda ialah Ketua Pegawai Eksekutif merangkap Pengarah Urusannya, Yoshita Nakamura dan Ketua Pegawai Jualan dan Pemasaran, Voon Yin Kong.

Dalam pada itu, Kon Yeow merakamkan penghargaan atas sumbangan dana berkaitan ke Tabung COVID-19 Pulau Pinang.

"Sejak tabung (Tabung COVID-19 Pulau Pinang) tersebut diwujudkan, pelbagai pihak tampil menghulurkan bantuan sama ada berbentuk wang ringgit ataupun lain-lain bantuan dalam usaha membantu Kerajaan Negeri melawan COVID-19 di negeri ini.

"Ada juga sebahagian penyumbang yang terus menghulurkan bantuan ke Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP), hospital atau klinik kesihatan (di negeri ini) bagi memenuhi keperluan perubatan semasa.

"(Dan) kita berharap usaha ini akan membuahkan hasil dalam usaha kita melawan COVID-19," ujarnya.

Difahamkan, dana dari Tabung COVID-19 Pulau Pinang turut digunakan untuk mengurangkan bebanan golongan paling terkesan di negeri ini.




**KETUA Menteri (tengah) bersama-sama Dr. Norlela Ariffin (dua dari kiri) mengadakan perbincangan dengan Teh Hock Soon (dua dari kanan) pada acara simbolik penyerahan sumbangan di sini baru-baru ini.**

# Pencegahan tambahan elak pencemaran air mentah

**GEORGE TOWN -** Kerajaan Persekutuan digesa supaya mengambil langkah pencegahan tambahan bagi mengelakkan berlakunya pencemaran air mentah sebagaimana di Kuala Lumpur dan Selangor, melanda Pulau Pinang serta Kedah.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP), Dato' Ir. Jaseni Maidinsa berkata bahawa insiden pencemaran air mentah yang melanda Kuala Lumpur dan Selangor mencerminkan risiko sebenar dan ancaman yang akan berlaku atau mungkin berulang disebabkan pembangunan serta 'akses mudah' ke kawasan tebing sungai utama.

"Setakat ini, kebanyakan kejadian pencemaran air mentah dalam negara sebahagian besar disebabkan oleh kesilapan manusia, kecuaian, kejahilan atau niat buruk.

"(Maka) untuk meminimumkan risiko berulang, semua tebing sungai sumber air mentah utama di Malaysia harus ditetapkan dengan jelas, dilindungi serta dikawal sebagai kawasan akses terhad.

"Hukuman bagi (kejadian) pencemaran air mentah perlu dikaji semula agar lebih ketat untuk menggambarkan implikasi 'perbuatan jenayah' yang boleh membahayakan kesihatan dan kesejahteraan hidup berjuta-juta penduduk yang bergantung kepada bekalan air mentah bersih setiap hari," ujarnya melalui kenyataan media di sini pada 6 September 2021.



**IR. Jaseni Maidinsa.**

Mengulas lanjut, Jaseni turut menggesa supaya Kerajaan Persekutuan tidak meluluskan projek pembangunan tanah baharu bersebelahan Sungai Muda.

"Walaupun projek seperti itu dapat menjanjikan dan menggalakkan kemajuan ekonomi, namun semua itu tidak seharusnya membahayakan kualiti air mentah.

"Contohnya cadangan projek mega Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim (KXP) dan Aerotropolis di sepanjang tebing Sungai Muda di Sidam Kiri, Kuala Muda (Kedah).

"Isu utama yang membimbangkan PBAPP adalah bahawa projek ini akan terletak di 3,982.51 hektar tanah, bersebelahan tebing Sungai Muda.

"Titik terdekat dari tapak projek yang dicadangkan hanya enam kilometer (km) ke hulu muka sauk air mentah di Lahar Tiang (Pulau Pinang) yang mana lebih 80 peratus air mentah yang diabstrak untuk menyediakan perkhidmatan bekalan air yang baik setiap hari di Pulau Pinang datangnya dari muka sauk di sini," tegasnya.

Menurut Jaseni, laporan kesan alam sekitar (EIA), seperti diterbitkan untuk rundingan awam oleh Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA), KXP dan projek Aerotropolisnya akan membangunkan sebuah lapangan terbang; kemudahan penjanaan dan transmisi tenaga; kawasan perindustrian baharu seluas 20 hektar atau lebih; perbandaran baharu seluas 100 hektar dengan 2,000 unit perumahan serta sebuah loji rawatan kumbahan yang akan melepaskan air sisa ke dalam Sungai Jurong seterusnya mengalir ke Sungai Muda.

Dalam kenyataan sama, Jaseni memaklumkan bahawa projek pembangunan dirancang itu memberi ancaman jelas terhadap kelestarian perkhidmatan bekalan air berterusan di Pulau Pinang dan selatan Kedah.

"Laporan EIA menyatakan bahawa fasa pembinaan boleh menyebabkan penggelodakan, pemendapan, pencemaran air mentah, toksifikasi air sungai, penurunan kualiti air dan eutrofikasi.

"Seterusnya, fasa operasi juga menimbulkan risiko dan ancaman sama untuk jangka panjang seperti dilaporkan dalam laporan tersebut.

"Selain risiko dan ancaman, projek ini memerlukan loji rawatan kumbahan yang akan melepaskan air sisa industri dan domestik ke Sungai Muda yang mana dinyatakan bahawa loji ini pada mulanya dirancang dengan kapasiti 50,000 penduduk setara (PE) dan berkembang menjadi 500,000 PE dalam 30 tahun.

"(Malah) kualiti air yang diabstrak juga pasti akan terjejas, yang mana air mentah dari Sungai Muda digunakan untuk menghasilkan air terawat untuk 1.78 juta penduduk Pulau Pinang.

"Oleh yang demikian, PBAPP ingin menggesa Jabatan Alam Sekitar (JAS), KASA dan Kerajaan Persekutuan meminta Kerajaan Negeri Kedah memindahkan cadangan KXP dan Aerotropolisnya ke lokasi lebih selamat dan jauh dari Sungai Muda.

"Tidak rasional dan tidak logik bagi penduduk Pulau Pinang untuk menerima risiko dan ancaman bekalan air yang 'ditimbulkan' oleh projek ini.

"Tiada siapa yang mahu air sisa disalurkan dengan sengaja ke sumber air mentah utama mereka," ulasnya yang turut bersimpati dan empati dengan masalah bekalan air yang dihadapi oleh pengguna air di Kuala Lumpur dan Selangor.

# RM45.24 juta peruntukan TPM80PP demi selesa penduduk

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **CHAN KOK KUAN**

**PENGKALAN KOTA -** Kerja-kerja menyelenggara tiga buah lif di Blok 42A, Pangsapuri Sri Saujana dekat Gat Lebuh Macallum bakal memberi keselesaan kepada penduduk setempat.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata bahawa sejumlah RM239,400 diperlukan bagi kerja-kerja menyelenggara tersebut.

"Kerajaan Negeri melalui Tabung Penyelenggaraan Maksimum 80 Peratus Pulau Pinang (TPM80PP) membiayai RM191,520 manakala baki 20 peratus lagi iaitu RM47,880 dibiayai oleh persatuan penduduk di sini," ujarnya pada sidang media yang disiarkan secara langsung menerusi *Facebook* pada 10 September 2021.

Turut serta, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pengkalan Kota, Daniel Gooi Zi Sen serta wakil daripada Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) dan persatuan penduduk berkaitan.




**JAGDEEP Singh Deo (empat dari kiri) dan Daniel Gooi Zi Sen (tiga dari kanan) menyerahkan surat kelulusan peruntukan bagi kerja-kerja penyelenggaraan lif di Pangsapuri Sri Saujana kepada wakil penduduk dekat sini baru-baru ini.**

Dalam sidang media sama, Jagdeep memaklumkan bahawa sejumlah RM45.24 juta telah diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri di bawah TPM80PP.

"Peruntukan tersebut melibatkan 479 projek yang mana kerja-kerja menaik taraf dan menggantikan lif adalah yang paling banyak iaitu 277 projek diikuti pembaikan tangki air (135).

"Manakala bagi kerja-kerja di skim perumahan awam pula sejumlah RM285 juta telah dibelanjakan setakat ini," katanya.

Pangsapuri Sri Saujana mempunyai tiga blok iaitu Blok 42A, 42B dan 42C yang mana setiap satu blok berketinggian 13 tingkat dengan 18 buah lif keseluruhannya. Pangsapuri yang siap pada tahun 2006 ini merupakan pangsapuri berkepadatan tinggi.

Dalam pada itu, Zi Sen menzahirkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana membantu menyelenggara kemudahan lif di sini.

"Suka saya maklumkan, bahawa sehingga hari ini, terciptanya sejarah yang mana semua bangunan berstrata di Gat Lebuh Macallum di sini telah menerima sekurang-kurangnya satu projek menaik taraf yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri.

"Saya percaya, walaupun kita dilanda impak yang dahsyat akibat pandemik COVID-19, Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan sentiasa prihatin dan sedia membantu membaik pulih skim-skim perumahan awam dan swasta yang layak di negeri ini demi kesejahteraan semua," katanya.

*(Sambungan dari muka 1).*

## Luaskan kebun, hasil jualan laksana kerja amal

"Pada peringkat permulaan, Jabatan Pertanian telah menyalurkan peruntukan RM5,000 berserta 500 unit polibeg, selain membantu membangunkan sistem fertigasi bagi membolehkan Kelab Wanita Permata memulakan projek ini.

"Justeru, peruntukan tambahan yang akan diberikan ini adalah bertujuan meluaskan lagi kebun sayuran yang sedia ada," ulasnya.

Dalam pada itu, Mohd. Muhaimin memberitahu bahawa sebanyak 124 projek pertanian bandar telah dijalankan di seluruh negeri pada tahun ini melalui peruntukan berjumlah RM1.49 juta termasuk RM70,000 yang disumbangkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

"Walaupun Kerajaan Negeri tidak menyalurkan peruntukan yang banyak untuk program ini, tetapi (Kerajaan Negeri) telah memberikan peruntukan besar kepada sektor pertanian lain seperti penanaman padi, sayur-sayuran, buah-buahan dan sebagainya," jelasnya.



**KEPELBAGAIAN tanaman yang ditanam.**

Sementara itu, Buletin Mutiara turut berkesempatan menemu bual Pengerusi Kelab Wanita Permata, **ZAITUN MAT SAHAD**, 50, untuk mengetahui lebih lanjut mengenai projek pertanian komuniti yang dijalankan.

Menurut beliau, seramai 13 peserta yang terdiri daripada ahli-ahli Kelab Wanita Permata telah menjalankan projek tersebut sejak Julai tahun ini dengan kerjasama anggota MPKK Bandar Perda.

"Pada mulanya, kami mahu menanam cili tetapi selepas mendapat nasihat daripada Jabatan Pertanian Negeri, maka kami buat keputusan untuk tanam dua jenis sayuran iaitu timun dan sawi.

"Tanaman timun dan sawi lebih mudah kerana peluang untuk dijangkiti penyakit adalah minimum selain hasilnya boleh dituai dalam jangka masa yang singkat iaitu dalam tempoh sebulan sahaja," ujarnya.



**MENUAI hasil tanaman.**

Zaitun menyatakan bahawa hasil tanaman yang dituai akan dijual kepada penduduk setempat selain restoran dan kedai makan berdekatan.

"Bagi tanaman sawi biasanya kita berjaya tuai kira-kira 3 kilogram (kg) sehari manakala timun pula sekitar 50 hingga 70 kg.

"Memandangkan permintaan yang kami terima setakat ini sentiasa melebihi hasil yang dikeluarkan, maka kami merancang untuk meluaskan lagi kebun yang sedia ada ini.

"Hasil daripada jualan sayur-sayuran ini akan dikumpul untuk digunakan bagi kerja-kerja amal seperti membuka kelas jahitan, program meningkatkan kemahiran dan lain-lain selepas pandemik COVID-19 reda kelak," katanya.

# Tumpu pemuliharaan warisan ketara dan tidak ketara secara menyeluruh

**ROSLI Nor**, 56, baru sahaja dilantik sebagai Pesuruhjaya Warisan Negeri Pulau Pinang pada 1 September 2021.

Sebelum ini, beliau pernah berkhidmat sebagai Pengurus Besar di Pejabat Warisan Dunia Melaka, sejak tahun 2011.

Pada 22 September lepas, wartawan Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** ditemani jurugambar, **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR** berpeluang mengadakan sesi wawancara dengan susuk tubuh penting berkenaan.

Menurut Rosli, tugas utama di negeri ini adalah sebagai Pendaftar Warisan Negeri Pulau Pinang, di samping bertanggungjawab mewujudkan rancangan pengurusan berkaitan pemuliharaan aset berkaitan yang mempunyai nilai warisan.

Di samping itu, beliau memberitahu bahawa adalah menjadi tanggungjawabnya untuk menyediakan garis panduan berkaitan pemeliharaan bagi semua hartanah yang digazetkan sebagai Warisan Negeri Pulau Pinang.

“Berdasarkan Enakmen Warisan Pulau Pinang, ia merangkumi spektrum yang besar, daripada warisan budaya dibina atau nyata hingga warisan semula jadi serta warisan budaya tidak ketara,” jelasnya semasa ditemui di Komtar di sini.

Difahamkan, karier Rosli bermula sebagai arkitek dalam bidang pemuliharaan dengan sebuah firma swasta di Kuala Lumpur, kemudiannya mengambil keputusan menyertai Jabatan Kerja Raya (JKR).

Dengan bakat serta pengalaman yang ditimba, beberapa tahun kemudian beliau diposisikan dalam Perbadanan Muzium Melaka, seterusnya di Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah.

Semasa berkhidmat dalam pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan, Rosli menyatakan bahawa beliau diberi peranan yang lebih penting, sesuai dengan bidang diceburi.

“Kemudiaannya, saya dinaikkan pangkat untuk mengetuai Unit Warisan di Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan bagi menyiapkan draf Akta Warisan Kebangsaan,” ujarnya.

Tanpa menoleh ke belakang, Rosli berkata bahawa beliau turut memanfaatkan segala peluang serta kepercayaan yang diberikan dengan mengetuai Bahagian Konservasi dan Arkeologi di Jabatan Warisan Negara.

“Sebagai salah seorang anggota pasukan yang terlibat dalam pencalonan Melaka dan Pulau Pinang sebagai tapak warisan dunia, saya juga pernah ditawarkan untuk memimpin Pejabat Warisan Dunia Melaka pada tahun 2011 iaitu mengawasi keadaan (serta kerja-kerja) pemuliharaan Melaka sebagai tapak warisan dunia,” ulasnya.



ROSLI Nor berkongsi rakaman gambar negeri Pulau Pinang sejurus sesi wawancara yang diadakan baru-baru ini.

Buletin Mutiara difahamkan, sebelum melaporkan diri sebagai Pesuruhjaya Warisan Negeri Pulau Pinang, nama Rosli sudah cukup terkenal dalam arena pemeliharaan serta pemuliharaan aset-aset negara yang mempunyai nilai warisan.

Beliau merupakan antara individu yang banyak menganjurkan program kesedaran mengenai kerja-kerja pemuliharaan aset warisan negara di negeri Melaka dan Selangor, selain Pulau Pinang sendiri.

Sesuai dengan minat, iltizam serta khidmat baktinya, melayakkan Rosli dilantik sebagai penasihat serta pemudah cara dalam kerja-kerja berkaitan bidang pemuliharaan aset warisan negara dan negeri.

“(Sebelum ini,) saya berpeluang bekerjasama dengan Perbadanan Warisan Dunia George Town (GTWHI) untuk menyelaras tapak warisan dunia di negeri Melaka dan Pulau Pinang,” jelasnya.

Dalam nada yang agak sederhana, Rosli memberitahu bahawa beliau juga ejen penghubung bagi *‘flagship programme’* Sukarelawan Belia Warisan Dunia yang bernaung di bawah Pertubuhan Pendidikan, Saintifik, Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) serta *Dutch Trading Post World Network*.

Tambah Rosli, beliau turut ditaklifkan sebagai anggota Badan Warisan Malaysia serta ahli jawatankuasa Majlis Antarabangsa Mengenai Monumen dan Tapak (ICOMOS), Malaysia.

“Sebagai Pesuruhjaya Warisan Negeri Pulau Pinang, kerja-kerja saya bukan sahaja tertumpu di sekitar George Town tetapi juga di Balik Pulau dan Seberang Perai (yang mana) di sana terdapat warisan ketara dan tidak ketara yang memerlukan kerja-kerja pemeliharaan serta pemuliharaan.

“Contohnya, Kampung Melayu di Balik Pulau, Kampung Nelayan di Teluk Bahang, juga rumah (warisan) Melayu di Bagan… warisan-warisan kebudayaan Cina serta etnik lain di Bagan, kalau ia memenuhi kriteria untuk disenaraikan sebagai aset warisan negeri, kita akan proses penyenaraian aset-aset warisan tersebut.

“Tenaga pakar akan memberikan nasihat berkaitan kepada kita untuk kerja-kerja penyenaraian warisan tersebut,” katanya.

Mengakhiri sesi wawancara, Rosli memberitahu bahawa pelantikannya sebagai Pesuruhjaya Warisan Negeri Pulau Pinang adalah berdasarkan Enakmen Warisan Negeri 2011 yang telah diwartakan bagi memastikan status George Town sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO, kekal.

Berdasarkan enakmen sama, kata beliau, memang memerlukan pelantikan lima pakar lain dalam bidang berkaitan dalam Majlis Warisan Negeri Pulau Pinang, yang mana terpulang kepada budi bicara pentadbiran Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow untuk melantik mana-mana individu yang difikirkan layak demi kelestarian nilai warisan negeri serta kemakmuran penduduk lokal.



# Arca guna semula unik, elak vandalisme Taman Jajar Sungai Ara




KEJERNIHAN air sungai menyejukkan mata yang memandang.

**ORANG** ramai yang beriadah di Taman Jajar Sungai Ara dan Taman Jesselton, George Town pastinya akan terkesima melihat arca-arca guna semula menarik yang menghiasi taman tersebut.

Manakan tidak, barangan yang selama ini kita sangkakan sebagai sisa buangan mampu diberi nafas baru menjadi arca seni menarik pada kadar kos yang sangat minimum.

Kesempatan itu, wartawan Buletin Mutiara, **WATAWA NATAF ZULKIFLI** dan jurugambar, **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI** sempat menemu bual individu di sebalik kejayaan Jabatan Perkhidmatan Perbandaran (JPP) bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) yang mengilhamkan reka cipta tersebut.



S. Xavier.

Pengarah JPP MBPP, **S. XAVIER** ketika ditemui menyatakan bahawa perkara tersebut adalah hasil kerja berpasukan jabatan beliau dalam memberikan nilai tambah kepada masyarakat.

"Ketika saya berkhidmat di Jabatan Khidmat Kemasyarakatan, kami pernah mengilhamkan Taman Madani menggunakan pokok-pokok tumbang dan pokok mati untuk dijadikan hiasan.

"Selepas ditugaskan di JPP, kami melihat barangan terbuang ini sebagai satu inspirasi untuk menukarkannya kepada produk guna semula atau *'upcycle'*.

"Kami mulakan dengan Taman Jesselton yang mana kalau anda semua perasan dimulakan dengan taman watak kartun *Minion* menggunakan tayar terpakai," ujarnya ketika ditemui dekat pejabat beliau di Bangunan MBPP Padang Kota baru-baru ini.

Selepas kejayaan tersebut menjadi buah mulut komuniti setempat, hasil cadangan Ahli-ahli Majlis, projek tersebut terus diperluaskan ke Taman Jajar Sungai Ara.

"Cetusan idea tersebut diutarakan oleh Ahli Majlis (MBPP), Tan Seng Keat kepada saya.

"Kami di sini amat bertuah kerana memiliki seorang kakitangan yang sangat kreatif dan menjadi tulang belakang utama di sebalik projek-projek berkaitan iaitu Pembantu Kesihatan Awam, Ahmad Nizuar Nordin.

"Idea beliau mereka cipta bahan-bahan terbuang ini memang dikagumi semua, daripada tayar, bekas-bekas plastik, botol serta bahan buangan lain semuanya dijadikan hiasan unik," jelasnya sambil menunjukkan kepelbagaian rekaan Ahmad Nizuar.

Xavier dalam pada itu, turut merakamkan penghargaan kepada Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo dan Ketua Penolong Setiausaha Kanan Bahagian Kerajaan Tempatan, Nur 'Aishah Md. Norodin yang senantiasa membantu serta menyokong usaha JPP MBPP.

## Cabaran

Setiap hasil yang berjaya pastinya mengundang cabaran tersendiri, begitu juga dengan penghasilan arca guna semula.

"Vandalisme adalah masalah dan cabaran yang kita hadapi setelah siap.

"Memang ada hasil kerja kita di Taman Jajar Sungai Ara dirosakkan, dan keadaan ini membuatkan kami berasa kecewa dengan apa yang berlaku.

"Hasil kerja ini memang kami tidak minta pujian atau penghargaan tetapi bagi saya, anda jaganya dengan baik sudah cukup sebagai menghargai penat lelah para kakitangan JPP (MBPP) dalam menyediakan kemudahan kelengkapan ini,'' seru beliau.

## Perancangan

Xavier memberitahu bahawa pihaknya kini juga merancang untuk mereka cipta permainan kanak-kanak menggunakan konsep sama.

"Pendekatan tersebut dalam perancangan kita untuk cuba cipta mainan kanak-kanak menggunakan bahan buangan konsep guna semula.

"(Dan) yang penting dalam konsep guna semula ini adalah kita dapat elakkan bahan-bahan buangan ini masuk ke tempat pelupusan sampah.

"Kalau lebih banyak projek seperti ini dijalankan oleh pihak lain, maka penggunaan bahan-bahan buangan seperti ini dapat diguna semula dan seterusnya menjimatkan penggunaan tapak pelupusan sampah.

"Malah, unsur *urban farming* berkonsepkan guna semula turut dibangunkan di bangunan milikan JPP MBPP dekat Pesara Claimant, George Town,'' ulasnya lanjut.



KARAKTER animasi *Nemo* yang dihasilkan daripada tayar terbuang.




PAPAN tanda Taman Jajar Sungai Ara yang menarik.



KARAKTER animasi *Minion* yang dihasilkan daripada bahan kitar semula.

# Bukit Tambun FC teroka pelbagai bidang jana pendapatan



GOH Choon Aik (dua dari kanan) dan Foo Yu Keong (kanan sekali) bersama-sama barisan kepimpinan Bukit Tambun FC menunjukkan kompleks makanan Pangsapuri Suria 1 yang telah diambil alih.

**KELAB** bola sepak tempatan, Bukit Tambun FC kini mengambil alih pengurusan kompleks makanan Pangsapuri Suria 1 dekat Bukit Tambun yang sebelum ini di bawah seliaan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC).

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tambun, **GOH CHOON AIK** memberitahu bahawa inisiatif tersebut diambil bagi membolehkan Bukit Tambun FC menjana pendapatan sendiri demi kelangsungan pasukan tersebut.

"Kompleks makanan ini menyediakan 33 gerai untuk penjaja tempatan tetapi sehingga kini ia masih belum beroperasi disebabkan penularan pandemik COVID-19.

"Kawasan sekitar kompleks makanan ini turut dilengkapi dengan kemudahan lain seperti taman permainan, kolam rekreasi, tandas awam dan surau selain berdekatan dengan pusat membeli-belah *Design Village* serta gedung IKEA.

"Oleh itu, mereka yang berminat hendak menjalankan perniagaan di sini terutamanya pengusaha makanan tempatan yang popular boleh mengemukakan permohonan ke pejabat saya untuk pertimbangan lanjut," katanya kepada Buletin Mutiara semasa mengadakan lawatan tapak ke kompleks berkenaan baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif, Yeoh Sooh Hin serta Presiden Bukit Tambun FC, Foo Yu Keong.

## Tanggung kos selenggaraan

Choon Aik yang juga penaung Bukit Tambun FC berkata, PDC sebelum ini telah membelanjakan kira-kira RM10,000 sebulan untuk menyelenggara kompleks makanan tersebut.

"Sekarang, semua kos penyelenggaraan ini akan ditanggung sepenuhnya oleh Bukit Tambun FC yang mana secara tidak langsung ia dapat menjimatkan sumber kewangan PDC.

"Bukan itu sahaja, kita juga melakukan beberapa penambahbaikan termasuk membaiki bumbung dan menyediakan bekalan air serta elektrik di kompleks makanan ini.

"Malah, kita juga menambah lampu limpah dan beberapa fasiliti lain dekat padang bola di belakang kompleks makanan ini yang selalu digunakan oleh pemain Bukit Tambun FC dan Penang FC untuk menjalani latihan," jelasnya.

Dalam pada itu, Choon Aik turut mencadangkan agar Kerajaan Negeri memperkenalkan perkhidmatan penghantaran makanan dengan caj yang lebih murah bagi membantu peniaga kecil dalam tempoh pandemik.

"Memandangkan kita masih dalam tempoh pandemik, maka adalah lebih baik Kerajaan Negeri mewujudkan perkhidmatan penghantaran dengan caj lebih murah berbanding perkhidmatan yang ada di pasaran.

"Melalui inisiatif ini, kita dapat mengelakkan orang ramai daripada makan di premis makanan, selain memberi peluang kepada penduduk tempatan untuk terlibat dalam digitalisasi di samping membantu peniaga menjana pendapatan," katanya.

## Kompleks Jeti Batu Musang

Selain kompleks makanan, Choon Aik memberitahu bahawa Bukit Tambun FC turut mengambil alih pengurusan Kompleks Jeti Batu Musang dekat Pulau Aman sejak September lalu.

"Kita telah mencapai persetujuan dan telah menandatangani perjanjian untuk mengambil alih pengurusan jeti ini termasuk kawasan tempat letak kereta selama tiga tahun.



KEADAAN Kompleks Jeti Batu Musang dekat Pulau Aman kini.

"Ia dapat menjimatkan perbelanjaan PDC kerana sebelum ini mereka membayar sebanyak RM5,000 sebulan kepada sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk menyelenggara fasiliti ini.

"Memandangkan Jeti Batu Musang telah mengalami pelbagai kerosakan, kita telah memohon peruntukan melalui Pakej Rangsangan Ekonomi 2020 berjumlah RM140,000 untuk menaik taraf tangga, bumbung, surau, tandas serta memasang *'awning'*.

"Permohonan tersebut telah diluluskan sekali gus membolehkan kerja-kerja pembaikan dimulakan sejak 1 September lalu dan dijangka siap pada akhir Oktober ini," ulasnya.

## Wujudkan pakej pelancongan lengkap

Mengulas lanjut, Choon Aik menyatakan bahawa satu pakej pelancongan lengkap bakal disediakan untuk para pelancong yang datang ke Pulau Aman selepas pandemik COVID-19 berjaya ditangani kelak.

"Pakej ini akan merangkumi pelbagai aktiviti air dan pesisir pantai seperti memancing, *'island hopping'*, perkhemahan dan sukan air tidak bermotor.

"Kita optimis bahawa selepas sempadan negeri dibuka semula dan pandemik COVID-19 beransur reda, kehadiran pelancong ke Pulau Aman akan meningkat.

"Sebab itu, sekarang kita mahu meningkatkan fasiliti di sini sebagai persediaan untuk menyambut kehadiran pelancong tidak lama lagi," ujarnya yakin.

Justeru, Choon Aik meminta Kerajaan Negeri melalui pejabat Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Pelancongan dan Ekonomi Kreatif supaya menambah baik serta meningkatkan lagi fasiliti di Pulau Aman untuk menampung kehadiran pelancong kelak.

"Tambahan pula, kompleks dan Jeti Batu Musang memang dibina menggunakan peruntukan daripada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) pada 20 tahun lalu.

"Oleh itu, adalah diharapkan agar Pulau Aman dan fasiliti berkaitan dapat ditelakkan di bawah MOTAC dan MMK Pelancongan dan Ekonomi Kreatif untuk dibangunkan sebagai destinasi pelancongan popular," saran beliau.

Sementara itu, Soon Hin memberitahu bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Pelan Induk Pelancongan Pulau Pinang (PTMP) akan memberi tumpuan kepada pembangunan kawasan-kawasan pulau sebagai destinasi pelancongan.

"Ini adalah termasuk Pulau Aman yang sememangnya sudah terkenal dalam kalangan pelancong domestik dan antarabangsa.

"Selain Pulau Aman, Kerajaan Negeri juga melihat potensi pulau-pulau lain seperti Pulau Gedung yang kaya dengan tinggalan sejarah, Pulau Batu Payung, Pulau Kendi serta pulau-pulau kecil yang lain.

"Tambahan pula, Pulau Aman amat sesuai dijadikan sebagai pintu masuk yang menghubungkan beberapa pulau di sini kerana kita memerlukan kesalinghubungan di antara pulau-pulau ini untuk menjadikannya lebih mudah dikunjungi oleh pelancong," jelasnya.

# Perusahaan makanan laut, ikan sangkar tarikan produk ekonomi kreatif

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**KEPELBAGAIAN** produk pelancongan yang terdapat di Seberang Perai Selatan (SPS) terutamanya di kawasan Bukit Tambun menjadikan lokasi tersebut sangat berbaloi untuk diterokai.

Terbaharu, perusahaan makanan laut seperti udang lipan, siput lala dan penternakan ikan sangkar merupakan produk ekonomi kreatif yang boleh digilap sebagai tarikan pelancongan popular di negeri ini.

Hal ini kerana, makanan laut *(seafood)* mempunyai penggemar tersendiri sehingga ada yang sanggup membayar ratusan ringgit semata-mata untuk menikmati kesegaran rasanya.

Malah, menurut satu kajian yang dijalankan Dana Sedunia Alam Semula Jadi Malaysia (WWF - Malaysia) pada tahun 2013 mendapati rakyat Malaysia adalah pengguna keenam terbesar makanan laut di peringkat global dengan 56.5 kilogram (kg) perkapita.


TAN Kian Poo.

Justeru, baru-baru ini pasukan Buletin Mutiara bersama-sama Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif, **YEOH SOON HIN** dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tambun, **GOH CHOON AIK** berkesempatan melawat perusahaan berkaitan dekat Daerah SPS.

## Perusahaan udang lipan

Pemilik perusahaan Eng Seng Fishery, **TAN KIAN POO**, 65, berkata bahawa beliau memilih untuk menjalankan perusahaan mengeksport udang lipan kerana hidupan laut itu mempunyai daya ketahanan yang tinggi.

Beliau berkata, faktor tersebut penting kerana kebanyakan hasil udang lipan yang dibeli daripada nelayan tempatan akan dieksport ke Hong Kong dan Amerika Syarikat menggunakan jalan laut.

"Walaupun perjalanan ke Amerika Syarikat contohnya, mengambil masa kira-kira 40 jam tetapi udang lipan masih lagi segar apabila sampai di sana.

"Selain itu, harga udang lipan juga sangat tinggi di pasaran terutamanya di luar negara yang mana harga bagi sekilogram boleh mencecah lebih RM200.

"Namun begitu, pergolakan yang berlaku di Hong Kong baru-baru ini berserta penularan pandemik COVID-19 menyebabkan udang-udang ini tidak boleh dieksport ke sana," ujarnya.

Kian Poo memberitahu bahawa penularan pandemik COVID-19 juga telah menyebabkan kos operasi serta pengangkutan laut terutamanya ke Amerika Syarikat meningkat tinggi sekali gus menjejaskan perniagaannya.

"Disebabkan kos pengangkutan ke Amerika Syarikat meningkat dengan sangat tinggi, maka saya membuat keputusan untuk menghentikan eksport udang lipan ke sana sejak bulan Mei lalu.

"Keadaan ini sekali gus mengakibatkan berlakunya lambakan udang lipan di pasaran baru-baru ini, dan hasil yang dibeli juga terpaksa dibela dalam tempoh yang agak lama.

"Ini menyebabkan kos operasi menjadi semakin meningkat kerana kami terpaksa menambah kuantiti makanan udang," jelasnya yang telah menjalankan perusahaan tersebut sejak 30 tahun lalu.

Difahamkan, udang lipan yang dieksport oleh syarikat Eng Seng Fishery adalah diperoleh dari laut dalam yang dibeli dengan harga RM150 sekilogram daripada nelayan tempatan.

## Penternakan ikan sangkar

Pulau Aman yang berkeluasan 128 hektar bukan sahaja terkenal dengan produk ekopelancongan, malah turut menjadi antara lokasi pengeluar hasil penternakan ikan sangkar terbesar di negara ini.


LEANG Wei Chi.

Memetik laporan media tempatan, pengeluaran ikan sangkar dari Pulau Aman menyumbang kepada 50 peratus hasil ikan ternakan di pasaran Malaysia.

Goh Siong Tee Group (GST Group) merupakan antara syarikat pengeluar ikan terkenal di perairan Pulau Aman yang menjalankan penternakan secara mesra alam serta mampan.

Malah, ikan yang dibekalkan GST Group memiliki sijil tempatan dan antarabangsa untuk memastikan ia berkualiti tinggi selain mempunyai label khas *'Friend of The Sea'* dan sijil halal.

Pengurusnya, **LEANG WEI CHI**, 32, memberitahu bahawa kawasan penternakan milik GST Group mempunyai lebih 300 sangkar dan kebanyakan untuk eksport terutamanya ke Hong Kong.

"Setiap satu petak kita akan lepaskan sebanyak 40,000 ekor anak ikan yang terdiri daripada spesies bawal, jenahak, ikan merah dan kerapu yang mana kadar hidup benih ikan ini adalah pada tahap 80 peratus.

"Sementara spesies ikan yang paling banyak mendapat permintaan sama ada di pasaran tempatan mahupun luar negara terutamanya di Hong Kong adalah jenis Bawal Emas dan kerapu.

"Ikan-ikan ini mengambil masa selama empat bulan sebelum boleh dieksport atau dijual di pasaran tempatan dengan hasil yang akan diperoleh dalam tempoh tersebut adalah antara 400 hingga 600 kg ," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Wei Chi berkata, penularan pandemik COVID-19 yang melanda negara sejak awal tahun lepas turut menjejaskan hasil eksport.

"Ini kerana kapal dari Hong Kong tidak dibenarkan masuk ke perairan negara sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan, dan kapal-kapal ini hanya dibenarkan masuk pada September 2021.

*(Sambungan di muka 8&9).*


YEOH Soon Hin (kanan sekali) dan Goh Choon Aik (dua dari kiri) menunjukkan ikan kerapu yang ditangkap semasa melawat sangkar ikan GST Group dekat perairan Pulau Aman.

*(Sambungan dari muka 7).*

# Pelbagaikan produk pelancongan

"Bukan itu sahaja, permintaan pasaran tempatan juga merosot teruk disebabkan banyak restoran dan hotel terpaksa ditutup selain polisi kerajaan yang tidak membenarkan majlis keraian diadakan sepanjang tempoh PKP.

"Ini menyebabkan ikan-ikan sangkar terpaksa dibela dalam tempoh yang agak lama, dan saiznya sudah tidak menepati kehendak pasaran selain kos makanan menjadi semakin meningkat.

"Satu lagi masalah yang kami hadapi adalah kekurangan sumber tenaga buruh memandangkan kerajaan masih tidak membenarkan kemasukan pekerja asing sejak berlakunya penularan pandemik COVID-19," ulasnya.

Dalam pada itu, Wei Chi menjelaskan bahawa keadaan cuaca yang tidak menentu merupakan ancaman utama bagi pengusaha ikan sangkar laut.

"Selain itu, kekurangan oksigen dalam air laut akibat perubahan kualiti air serta pencemaran seperti pembuangan sampah-sarap, tumpahan minyak dan pelepasan sisa dari kilang merupakan masalah yang sering dihadapi oleh pengusaha ikan sangkar," ujarnya lagi.

Difahamkan, GST Group yang ditubuhkan pada tahun 1985 turut mempunyai kilang memproses makanan ikan sendiri dekat Bukit Minyak.

## Perusahaan siput lala

Satu lagi produk hasil laut yang boleh digilap untuk tarikan pelancong adalah perusahaan pembungkusan siput lala oleh syarikat Low Bak Sing Enterprise yang dijalankan sejak 20 tahun lalu dekat Bukit Tambun.



**LOW Bak Sing.**

Lala juga dikenali sebagai siput retak seribu di utara Malaysia, merupakan nama sejenis moluska dwicangkerang yang boleh dimakan dan ia hidup di kawasan pantai berlumpur dan berpasir.

Pemiliknya, **LOW BAK SING**, 58, memberitahu bahawa hasil laut berkenaan kebanyakannya didapati dari perairan Pulau Pinang hingga ke Langkawi, Kedah.

"Siput lala mempunyai permintaan yang tinggi di pasaran kerana boleh menghasilkan pelbagai menu menarik.

"Tambahan pula, siput lala yang kami peroleh adalah di perairan Kuala Muda, Kedah yang mana ia berkualiti dan lebih tahan.



**CARA pembungkusan lala sebelum dieksport.**

"Dulu, kita juga menjalankan kerja-kerja penangkapan tetapi sekarang kita lebih fokus kepada pembungkusan sahaja," jelasnya.

Bak Sing memberitahu bahawa sebelum penularan pandemik COVID-19, kira-kira 8,000 kg siput lala akan dihantar setiap hari ke beberapa negeri seperti Selangor, Kuala Lumpur, Johor termasuk Singapura.

"Biasanya, dalam sehari kita membeli sekitar empat tan metrik siput lala daripada nelayan tempatan untuk dihantar kepada pengusaha di beberapa negeri mengikut permintaan mereka.

"Walau bagaimanapun, sejak penularan pandemik, hasil lala yang dijual di pasaran berkurang kepada 1,000 kg sehari dan adakalanya hanya mencecah 300 kg sahaja.

"Ini mungkin berpunca daripada banyak restoran dan kedai makan terpaksa ditutup dalam tempoh pelaksanaan PKP," ulasnya.

## Makanan laut produk unik

Sementara itu, Soon Hin menyatakan bahawa Kerajaan Negeri sedang mengenal pasti produk-produk baharu yang ada di negeri ini untuk diangkat sebagai intipati pelancongan menarik.



**SALAH seorang pekerja sedang melakukan pembungkusan lala sebelum dihantar kepada pelanggan.**



**JENAHAK merah yang sudah cukup matang.**

# gabungan elemen semula jadi

Oleh itu menurut beliau, makanan laut dilihat antara yang boleh diketengahkan sebagai produk pelancongan unik untuk menarik lebih ramai pelancong datang ke Pulau Pinang sama ada dari dalam dan luar negara.

"Perusahaan makanan laut seperti udang lipan, siput lala dan penternakan ikan sangkar merupakan produk ekonomi kreatif yang boleh menarik kehadiran pelancong ke negeri ini terutamanya di Daerah SPS.

"Oleh itu, pejabat saya sedang berusaha mengumpul senarai pengusaha ikan sangkar serta makanan laut di seluruh negeri, dan kita akan menjemput agensi berkaitan untuk merangka garis panduan bagi menyuntik elemen pelancongan ke dalam perusahaan ini.

"Ini selaras dengan usaha Kerajaan Negeri untuk mempelbagaikan lagi produk pelancongan termasuk menggabungkan elemen semula jadi seperti sumber marin, pertanian serta ekopelancongan.

"(Dan) Daerah SPS terutamanya Bukit Tambun mempunyai elemen-elemen ini yang mana kita boleh mengintegrasikannya untuk menjadi produk pelancongan istimewa," katanya kepada Buletin Mutiara selepas lawatan tersebut.

Soon Hin memberitahu bahawa Kerajaan Negeri sebelum ini telah melancarkan Pelan Induk Pelancongan Negeri (PTMP) yang memberi tumpuan kepada usaha-usaha agresif untuk membawa seramai mungkin pelancong domestik ke negeri ini.

"Oleh itu, adalah penting untuk Kerajaan Negeri meneroka lebih banyak produk pelancongan baharu dalam menjadikan sektor ini lebih kompetitif di peringkat antarabangsa.

"Usaha tersebut bukan sahaja membawa manfaat kepada ekonomi negeri tetapi turut membantu masyarakat tempatan termasuk nelayan, petani, pengusaha makanan laut dan lain-lain untuk menjana lebih pendapatan," ujarnya.

Mengulas mengenai Pulau Aman, Soon Hin menyatakan bahawa masih banyak usaha perlu dilakukan bagi mengenal pasti produk-produk unik di kawasan tersebut yang boleh dijadikan sebagai daya tarikan pelancong.

Dalam pada itu, Choon Aik berkata bahawa hasrat untuk mengembangkan sektor pelancongan di Daerah SPS memerlukan sokongan dan usaha berterusan daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

"Selain Kerajaan Negeri, kita juga memerlukan sokongan tambahan daripada pelbagai agensi Persekutuan seperti Polis Marin, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Laut dan lain-lain.

"Ini penting untuk jaminan memastikan keselamatan kepada pengunjung yang datang ke Pulau Aman," serunya.



PARA kakitangan membahagi dan membersihkan lala yang ditangkap.



1. UDANG lipan yang dibeli daripada nelayan tempatan.
2. IKAN kerapu peliharaan yang berusia lebih dari 10 tahun.
3. BAWAL Emas yang popular dan dieksport ke Hong Kong.




Oleh: **AZMI HUSSIN**

| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.26 PADANG KOTA**<br>YAB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **N.03 PINANG TUNGGAL**<br>YB Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman | (T) 04 - 575 6526<br>(F) 04 - 575 6526 |
| **N.16 PERAI**<br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 383 9131<br>(F) 04 - 383 9131 |
